

**PM, jemaah menteri hadir taklimat tertutup GIACC
SINAR HARIAN
10 JULAI 2018**

PUTRAJAYA - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad melaksanakan tugas hariannya pada ulang tahun ke-93 beliau hari ini.

Dr Mahathir antaranya menyertai kira-kira 160 anggota pentadbiran kerajaan termasuk jemaah menteri, mengikuti taklimat Governans, Integriti dan Antirasuah di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di sini.

Taklimat tertutup yang julung kali diadakan itu dijadualkan bermula 9.30 pagi, turut disertai setiausaha politik serta hampir semua anggota parlimen Pakatan Harapan (harapan).

Menurut kenyataan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), taklimat itu bertujuan bagi memberi pendedahan mengenai pelbagai aspek berkaitan rasuah dan usaha pencegahan buat anggota parlimen dan anggota pentadbiran kerajaan yang dibentuk selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) lepas.

“GIACC menganjurkan sesi taklimat selari dengan hasrat kerajaan pimpinan Dr Mahathir yang beriltizam mahu melahirkan pentadbiran dan negara bebas rasuah,” katanya.

Menurut GIACC, Dr Mahathir akan menyampaikan perutusan khas pada program itu, manakala Ketua Pengarahnya Tan Sri Abu Kassim Mohamed akan memberikan taklimat mengenai peranan serta fungsi pusat itu.

Selain itu, turut dijadualkan lima pembentangan berkaitan pengisytiharan harta, penerimaan hadiah, pengurusan dan pentadbiran peruntukan anggota Parlimen,

meliputi kesalahan-kesalahan menerusi Akta SPRM 2009 dan kesalahan-kesalahan lazim dilakukan anggota pentadbiran serta anggota Parlimen.

“Ini bagi menjayakan agenda anti rasuah nasional yang bermatlamatkan negara dikenali kerana integritinya dan bukan kerana rasuahnya,” katanya.-Bernama

© 2018 All Rights Reserved • Karang kraf Group Media • © 2018 Hakcipta Terpelihara • Kumpulan Media Karang kraf

Source: <http://www.sinarharian.com.my/nasional/pm-jemaah-menteri-hadir-taklimat-tertutup-giacc-1.854530>